

## NOTIS SEBUTHARGA (TAWARAN TERBUKA)

Sebutharga adalah di pelawa daripada kontraktor-kontraktor dengan pendaftaran masing-masing yang masih sah laku selama **90 hari dari tarikh tutup sebutharga** bagi kerja-kerja berikut:-

| Bil | No.Kontrak       | Tajuk Sebutharga   | Bidang Pendaftaran & Syarat Kelayakan   | Tarikh & Masa Lawatan Tapak  | Tarikh Tutup (Sebelum Jam 12.00 Tengah Hari) |
|-----|------------------|--|---|--|--|
| 1.  | QUO/FA/080/18(E) | PROPOSED SERVICING OF 11KV VACUUM CIRCUIT BREAKER (VCB) & ASSOCIATED WORKS AT BATU FERRINGHI WTP, D.T.L, PENANG. | <b>Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)</b> - (Maklumat Perniagaan/Korporat) DAN <b>Suruhanjaya Tenaga (ST) Malaysia</b> berdaftar sebagai <b>Kontraktor Perkhidmatan Elektrik 11kV dan Keatas</b> | <b>12/07/2018</b> (Khamis)<br>10.00 pagi<br>Loji Rawatan Air Batu Ferringhi Pulau Pinang | <b>19/07/2018</b> (Khamis)                   |

Lawatan tapak bagi Sebutharga ini adalah mengikut tarikh yang ditetapkan seperti diatas. Kontraktor-kontraktor yang mempunyai lesen seperti di atas dan berminat hendaklah berkumpul di tempat tersebut di atas. Lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN**. Dokumen sebutharga **tidak akan dijual** pada mana-mana kontraktor yang gagal menghadiri sesi lawatan tapak dengan sepenuhnya pada hari tersebut.

Dokumen sebutharga akan mula dijual di Jabatan Perancang dan Pembangunan, L4, ICT, Fasa 1B, Tingkat 4, Kompleks Tun Abdul Razak, Jalan Penang, 10000 Pulau Pinang mulai **12hb Julai 2018** pada waktu pejabat (**9.00 pagi hingga 4.00 petang**). Harga dokumen sebutharga adalah **RM30.00** senaskah dan bayaran harus dibuat dalam bentuk wang tunai atau Bank Deraf atas nama Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd. Bayaran untuk setiap dokumen sebutharga tidak akan dikembalikan.

Dokumen sebutharga hanya akan dijual kepada Wakil Kontraktor yang sah. Untuk maksud ini wakil kontraktor hendaklah menghadiri dan membawa **Surat asal Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **Surat asal Pendaftaran Suruhanjaya Tenaga (ST)** serta **satu salinan fotostatnya** untuk simpanan pihak Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.

Sebutharga akan ditutup pada **19hb Julai 2018, sebelum jam 12.00 tengahari**. Dokumen Sebutharga hendaklah dihantar melalui sampul surat yang dimeteri dan ditandakan dengan tajuk sebutharga di sudut sebelah kiri dan dialamatkan kepada:-

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN. BHD.  
L4, ICT, FASA 1B, TINGKAT 4,  
KOMTAR, 10000 PULAU PINANG.**

Dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Jabatan Perancang dan Pembangunan, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. L4, ICT, Fasa 1B, Tingkat 4, Komtar, 10000 Pulau Pinang sebelum 12.00tgh.

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**